

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN BILANGAN 2 TAHUN 2017

PEMATUHAN KAWALAN PENGURUSAN BAGI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KERAJAAN DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

TUJUAN

1. Arahan Pentadbiran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Bahagian mengenai penambahbaikan ke atas mekanisme kawalan pengurusan projek Kerajaan Persekutuan dan pematuhan panduan pengurusan lanjutan masa (EOT) bagi pelaksanaan projek-projek Kerajaan.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan yang berkuat kuasa mulai 11 Mac 2016. Selaras dengan langkah tersebut, penambahbaikan ke atas mekanisme kawalan pengurusan projek Kerajaan Persekutuan telah diperkenalkan melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) PK 2.3 yang berkuat kuasa mulai 15 September 2016.

3. Selain itu, YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan surat arahan pematuhan bilangan UPP:KRT/177/707/2 KLT.2(28) bertarikh 26 September 2016 berhubung pematuhan panduan pengurusan EOT bagi pelaksanaan projek-projek Kerajaan. Arahan ini adalah lanjutan keputusan **Jawatankuasa Khas National Development Projects' Intervention Committee (NDPIC)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri agar amalan terbaik dalam pengurusan EOT diseragamkan kerana bilangan projek pembangunan yang diberi EOT semakin bertambah.

4. Ini kerana apabila EOT diberikan, pihak Kerajaan akan terdedah kepada tuntutan kerugian dan perbelanjaan (*loss and expense*) oleh pihak kontraktor berdasarkan peruntukan di dalam syarat-syarat kontrak. Selain daripada itu, Kerajaan juga akan menanggung implikasi kelewatan projek disiapkan dan manfaat kepada rakyat akan terjejas.

PELAKSANAAN PERATURAN

5. Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan

- 5.1 Bahagian adalah bertanggungjawab memastikan 1PP PK 2.3 berhubung penambahbaikan ke atas mekanisme pengurusan projek pembangunan fizikal Kerajaan Persekutuan sentiasa dipatuhi. **Tindakan tegas** akan diambil ke atas Bahagian yang gagal mematuhi mekanisme baharu ini dan pegawai yang bertanggungjawab boleh **dikenakan tindakan tatatertib** kerana **cuai dalam melaksanakan peraturan Kerajaan**.
- 5.3 Bahagian hendaklah merujuk kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) sekiranya perlu membuat Notis Perubahan (NOC) yang **tidak** melibatkan penambahan kos, perubahan lokasi dan pertukaran projek.
- 5.4 Sekiranya projek yang telah diluluskan tetapi proses perolehan tidak dapat dimulakan mengikut perancangan/jadual yang ditetapkan, **Bahagian hendaklah mengembalikan peruntukan yang belum dibelanjakan kepada BKP** bagi memastikan prestasi perbelanjaan 100% dapat dicapai. Bahagian perlu memastikan **semua urusan perolehan diselesaikan selewat-lewatnya pada 31 Julai**.
- 5.5 Sebarang penjimatan dan baki daripada peruntukan yang diluluskan **tidak boleh dipindahkan** bagi kegunaan projek/program lain serta hendaklah dikembalikan kepada BKP selewat-lewatnya pada 30 Ogos.
- 5.6 **Bahagian dilarang meluluskan Arahan Perubahan Kerja dan pertambahan skop perkhidmatan perunding** kecuali bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam perenggan 3.1, 1PP PK 2.3.
- 5.7 Bahagian adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi tatacara perolehan perkhidmatan perunding yang berkuat kuasa.
- 5.8 **Bahagian hendaklah merujuk kepada BKP dan Penasihat Undang-Undang, JPA** untuk memastikan klausa perjanjian piawai perunding berkaitan penetapan yuran perkhidmatan perunding dan klausa lain yang berkaitan dibuat pindaan sewajarnya bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara.
- 5.9 Bagi memastikan perolehan projek pembangunan di JPA dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti, Bahagian adalah diingatkan supaya **melaksanakan urusan perolehan yang bertepatan dengan nilai projek**. Sekiranya perolehan projek hendak dilaksanakan melalui kaedah selain yang ditetapkan dalam peraturan perolehan Kerajaan, maka **kelulusan daripada Kementerian Kewangan** hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Ini bagi memastikan supaya **tidak berlaku pelaksanaan projek yang boleh ditafsirkan sebagai pecah kecil** bagi mengelak sebut harga atau tender.

- 5.10 Bagi tujuan pemantauan kemajuan projek pembangunan, **Bahagian perlu mengemukakan laporan prestasi perbelanjaan dan status kemajuan projek kepada BKP pada hari Isnin, setiap dua (2) minggu.**

6. Pematuhan Panduan Pengurusan Lanjutan Masa (EOT)

- 6.1 Bahagian adalah bertanggungjawab memastikan panduan pengurusan EOT sentiasa dipatuhi.
- 6.2 Sekiranya Bahagian menjangkakan tempoh penyiapan kerja sesuatu projek akan terlewat, punca-punca berlakunya kelewatan perlu diteliti. **EOT hanya diberi sekiranya terbukti punca-punca kelewatan adalah di luar kawalan kontraktor.**
- 6.3 **Tindakan tatatertib/surcaj atau undang-undang boleh dikenakan** apabila sekiranya **berlakunya kecuiaan (*negligence*)** sama ada oleh pihak Bahagian, Pegawai Yang Diberi Kuasa (PYDK), Pegawai Penguasa (P.P.) atau firma perunding dalam melaksanakan tugas yang menjadi punca kepada berlakunya kelewatan dan pemberian EOT.

PENGECUALIAN

7. Sebarang pengecualian daripada Arahan Pentadbiran Dalam ini perlu **mendapat kelulusan Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri atau Kementerian Kewangan atau Jabatan Kerja Raya.**

TARIKH KUATKUASA

8. Arahan Pentadbiran Dalam Bil. 2 Tahun 2017 ini berkuatkuasa **serta merta.**

PEMAKAIAN


9. Arahan Pentadbiran Dalam ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara dan INTAN Kampus Wilayah serta Bahagian Pasca Perkhidmatan (BP) Sabah dan BP Sarawak.

10. Arahan Pentadbiran Dalam ini perlu dibaca sekali dengan Arahan Perbendaharaan, Surat-surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya serta peraturan-peraturan lain yang sedang berkuat kuasa.

11. Sebarang pertanyaan berkenaan Arahan Pentadbiran Dalaman ini boleh dirujuk kepada :

Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Aras 10 Blok C1 Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
03-8885 3017

“PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM”


(DATO' SABARIAH HASSAN)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

Tarikh :  Mac 2017